

29/12/2000

Operator jentera berat diarah henti kegiatan

Noorwati Salleh

KUANTAN, Khamis - Kerajaan Pahang mengarahkan semua operator jentera berat yang menjalankan kerja tanah di Cameron Highlands supaya menghentikan kegiatan itu secepat mungkin.

Langkah itu bertujuan membanteras pencerobohan tanah kerajaan, selain bimbang pihak tertentu mengambil kesempatan melakukan perbuatan itu pada cuti Aidilfitri ini.

Minggu lalu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mengarahkan pentadbir tanah Cameron Highlands dan Ketua Polis daerah itu mengadakan perjumpaan dengan semua operator terbabit untuk memaklumkan kepada mereka mengenai arahan berkenaan.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, beliau difahamkan perjumpaan itu sudah diadakan dan berharap semua operator terbabit mematuhi arahan bagi mengelakkan tindakan undang-undang jika masih meneruskan kegiatan itu.

Bagaimanapun, katanya, hanya operator yang mendapatkan kebenaran Pejabat Tanah Daerah boleh menjalankan kegiatan masing-masing.

Mengenai gambar dikatakan membabitkan pencerobohan tanah di daerah itu, katanya, ada di antara gambar itu menunjukkan tapak pembinaan sekolah, kuarters, kompleks majlis daerah dan pusat kegiatan pertanian.

"Itu adalah projek kerajaan yang sudah mendapat kelulusan Jabatan Alam Sekitar.

"Selain itu, ia membabitkan tanah Lesen Menduduki Sementara (TOL) yang dibangunkan sebegitu rupa," katanya.

Adnan berkata, laporan terperinci berhubung kedudukan tanah di Cameron Highlands, termasuk jumlah hutan simpan, projek yang sedang dan akan dilaksanakan serta tanah rizab, masih proses untuk disiapkan beberapa jabatan berkaitan.

Laporan itu akan dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad seminggu atau dua minggu selepas Aidilfitri, katanya.

Dengan arahan supaya operator jentera berat menghentikan kegiatan, beliau berkata kerajaan negeri tidak perlu meminta Pasukan Gerak Am untuk berkawal di situ.

"Mesyuarat Exco minggu lalu membuat keputusan itu, kerana tidak mahu menunjukkan seolah-olah suasana darurat di daerah terbabit, sedangkan apa yang berlaku cuma membabitkan pencerobohan tanah kerajaan," katanya.

Adnan turut berterima kepada pihak media massa yang mendedahkan pencerobohan tanah kerajaan, demi kepentingan semua pihak.

Menurutnya, usaha membanteras kegiatan itu, tidak perlu dibebankan kepada beliau atau ahli Exco, sebaliknya pembabitan rakyat dan media sangat diperlukan.

(END)